

YURAN



SARJANA MUDA (PENDIDIKAN)

Yuran Keseluruhan **RM8,672.00**

Kadar yang dinyatakan adalah untuk **8 semester**

* Jumlah yuran tidak termasuk yuran kolej kediaman.



SARJANA MUDA (BUKAN PENDIDIKAN)

Yuran Keseluruhan **RM9,275.00**

- Sarjana Muda Reka Bentuk (Pengiklanan) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Reka Bentuk (Animasi) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Reka Bentuk (Permainan Digital) dengan Kepujian

Kadar yang dinyatakan adalah untuk **7 semester**

* Jumlah yuran tidak termasuk yuran kolej kediaman.



UPSI merupakan salah sebuah universiti di Malaysia yang menganggotai International Student Exchange Programme (ISEP). Setiap pelajar UPSI berpeluang membuat pertukaran satu semester dengan universiti di luar negara.

PROSPEK KERJAYA

- Guru
- Pensyarah
- Juru Animasi
- Pengiklanan
- Pengacara
- Kurator
- Pereka Produk
- Pereka Permainan Digital
- Jurugambar
- Konsep Artis
- Penyunting Video
- Pelukis
- Pereka Grafik
- Pengarah Kreatif/ Seni
- Penolong Pengarah Seni

MAKLUMAT LANJUT

📍 FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF

Aras 3, Bangunan E-Learning,
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

☎ +605-450 6623 / 5923 / 6645

🌐 <http://fskik.upsi.edu.my>

✉ admin@fskik.upsi.edu.my

📱 [wearefskik](#)



www.upsi.edu.my



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپنیریتی قندیدین سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF

FAKULTI SENI, KELESTARIAN DAN INDUSTRI KREATIF

Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK) merupakan sebuah fakulti yang penting dalam lipatan sejarah UPSI. Fakulti ini berkembang secara bertahap dari sebuah program ke sebuah jabatan kemudian menjadi katalis kepada kewujudan beberapa jabatan dan fakulti.

Secara kronologi, perkembangan FSKIK melalui empat era iaitu Era Fakulti Sains Sosial dan Kesenian (1997-2002), Era Fakulti Seni dan Muzik (2002-2010), Era Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (2010-2022), Era Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (2022-kini).

Era terkini FSKIK diperkasakan dengan penjenamaan semula nama fakulti pada 30 Mei 2022 untuk memenuhi keperluan pendidikan tinggi negara dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs). FSKIK mempunyai dua (2) jabatan iaitu Jabatan Multimedia Kreatif dan Jabatan Seni dan Reka Bentuk.

Pelbagai program di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah ditawarkan bagi memenuhi keperluan graduan dalam memperoleh pengetahuan, kemahiran dan keupayaan mereka sebagai pekerja masa depan negara.

Kepakaran FSKIK adalah dalam bidang seni visual yang merentasi keperluan Industri Kreatif (Animasi, Permainan Digital & Pengiklanan), keperluan SDGs (Kelestarian) dan Pendidikan (niche Universiti) dan disokong dengan teknologi terkini.

PROGRAM

- **SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SENI) DENGAN KEPUJIAN**
Tempoh Pengajian: 8 semester / 4 tahun
- **SARJANA MUDA REKA BENTUK (PENGIKLANAN) DENGAN KEPUJIAN**
Tempoh Pengajian: 7 semester / 3½ tahun
- **SARJANA MUDA REKA BENTUK (ANIMASI) DENGAN KEPUJIAN**
Tempoh Pengajian: 7 semester / 3½ tahun
- **SARJANA MUDA REKA BENTUK (PERMAINAN DIGITAL) DENGAN KEPUJIAN**
Tempoh Pengajian: 7 semester / 3½ tahun

SYARAT KEMASUKAN

Memenuhi **SYARAT AM** dan **SYARAT KHAS** setiap program pengajian yang ditawarkan.

SYARAT AM KEMASUKAN SARJANA MUDA



SARJANA MUDA

Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah (mulai SPM tahun 2013 dan ke atas).

dan

Memiliki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan Gred C dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am.

atau

Memiliki Sijil Matrikulasi KPM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00.

atau

Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid.

atau

Memiliki Diploma / kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50 dan diluluskan oleh Senat Universiti.

dan

Mendapat sekurang-kurangnya tahap 2 / Band 2 dalam Malaysian University English Test (MUET) mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.



SYARAT KHAS KEMASUKAN SARJANA MUDA

SILA IMBAS KOD UNTUK MENYEMAK SYARAT KHAS KEMASUKAN BAGI SETIAP PROGRAM PENGAJIAN SARJANA MUDA YANG DITAWARKAN OLEH FAKULTI.

